

Warga IPT Terengganu berkampung di UMT

KOSMO 04/08/07 pg. 58

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) bakal menjadi tumpuan seluruh warga institusi pengajian tinggi (IPT) ketika berlangsungnya Kejohanan *KOSMO!* Varsity Futsal bagi Zon Timur pada 10 dan 11 Ogos ini.

Ini kerana hampir semua IPT di Terengganu sudah mengesahkan penyertaan mereka selepas pendaftaran kejohanan itu ditutup Khamis lalu.

Urusetia pendaftaran, Mohd. Nizam Mohd. Zain memberitahu, sebanyak 23 pasukan dari 72 pasukan yang bertanding merupakan wakil dari Terengganu.

Antara pasukan dari Terengganu yang bakal berentap pada kejohanan ini ialah UMT, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan Kolej Multimedia Telekom.

Selain itu, Akademi Laut Malaysia (Alam), Institut Latihan Perindustrian Batu Rakit dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Dungun turut bertanding.